

Kawasan takungan air melimpah

26

1 0 Google +0

Oleh Mohd Hilmie Hussin

mohdhilmie@hmetro.com.my

Melaka: Kawasan takungan air (bunded storage) Durian Tunggal, di sini, tidak mampu lagi menakung jumlah air yang banyak selepas dikatakan melimpah keluar.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, bunded storage terbabit yang mempunyai tembok setinggi 3.7 meter kini tidak mampu lagi menampung kandungan air yang meningkat setinggi 4 meter.

"Air mula melimpah keluar ke sungai-sungai termasuk ke Sungai Klebang di Pulau Gadong.

"Sejak 48 jam yang lalu, pintu empangan di Pulau Gadong juga sudah dibuka bagi membolehkan air sungai keluar ke laut," katanya ketika ditemui, melawat pusat penempatan mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Krubong, di sini, tengah malam tadi.

Dalam lawatan Idris kira-kira jam 12.30 tengah malam itu, beliau turut menasihati semua mangsa mengikut arahan pihak berkuasa selain menceritakan situasi sebenar menyebabkan banjir.

Idris berkata, Empangan Durian Tunggal masih berada dalam keadaan terkawal namun limpahan air dari bunded storage Durian Tunggal pula disifatkan amat membimbangkan.

Beliau berkata, sehingga kini, 200 keluarga membabitkan tiga daerah di negeri ini, terjejas akibat banjir.

Katanya, semua penduduk kawasan berisiko terutamanya di sekitar Krubong, diarah berjaga-jaga dan ada antaranya diarah meninggalkan rumah masing-masing kerana dibimbangi kawasan didiami dinaiki air.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 15 Disember 2015 @ 10:28 AM



Idris mendengar taklimat dari ketua kampung. FOTO Mohd Hilmie Hussin

- See more at: <http://www.hmetro.com.my/node/100284#sthash.DV3Y0afQ.dpuf>